



TERKINI

Farah Ann, Fu Jie tambah emas gimnastik [11m ago]

▼ iklan



Hua An cadang beli syarikat teknologi terkemuka pada RM72 juta

Tarikh kemaskini: 03/12/2019

KUALA LUMPUR, 3 Dis -- Sino Hua An International Bhd (Hua An) bercadang untuk membeli syarikat teknologi terkemuka, TouchPoint Group (TP Group), pada RM72 juta.

Dalam kenyataan hari ini, Hua An berkata dengan pembelian itu, ia akan memiliki 100 peratus TP Group, yang terdiri daripada TouchPoint International Sdn Bhd dan Wavetree PLT.

"Dengan pembelian ini, Hua An kini turut merangkumi penyelesaian transformasi perniagaan digital sebagai sebahagian portfolionya, selaras dengan visi menjadi pemboleh transformasi digital di Malaysia," menurutnya.

Ia berkata TP Group merupakan peneraju dalam bidang penyelesaian transformasi perniagaan digital di Malaysia selain menyediakan platform yang membolehkan perubahan bagi ekonomi digital.

Pengerusi Eksekutif Hua An, Tunku Naquiyuddin Ibni Almarhum Tuanku Ja'afar berkata kepakaran dan pengetahuan baharu kepada syarikat akan dibawa menerusi pembelian itu.


"Berasaskan kemajuan dalam teknologi digital dan perkembangan kecerdasan buatan yang lebih sofistikated, yang mengganggu perniagaan konvensional seluruh dunia, ini merupakan antara industri yang paling pesat berkembang," menurutnya.


-- BERNAMA

Berita Utama Terdahulu

- Najib mengaku catat "Bersetuju" pada surat permohonan pinjaman SRC RM3.95 bilion
- Taufan landa Filipina, Dr Mahathir harap kontinjen Sukan SEA Malaysia tabah
- Agong dedikasi Anugerah AFC Diamond of Asia 2019 kepada Almarhum ayahanda
- Jualan Proton meningkat 100 peratus pada Nov
- Peguam Najib bentang kes pembelaan dalam perbicaraan SRC

▼ iklan





[Utama](#) | [Am](#) | [Politik](#) | [Ekonomi](#) | [Sukan](#) | [Rencana](#) | [Dunia](#) | [Arkib](#) | [Siaran Media Eksklusif](#) | [Suapan RSS](#) | [Laman Web Korporat](#) | [IMAGES](#)

[Facebook](#) | [Twitter](#) | [Instagram](#)

© 2019 BERNAMA. Semua Hak Cipta Terpelihara. Penafian | Dasar Privasi | Dasar Keselamatan Bahan ini tidak boleh diulang terbit, ulang siar, tulis kembali atau diulang edar melainkan dengan kebenaran bertulis dari pihak BERNAMA.

Paparan terbaik menggunakan Firefox 58.0.1 (64-bit) & Chrome Version 63.0.3239.132 (Official Build) (64-bit) dalam resolusi 1920 x 1080 piksel

Hubungi kami : 03-2693 9933 (Am) E-mel : helpdesk@bernama.com, 03-2050 4466 (Jualan/Perkhidmatan) | E-mel : portal@bernama.com